

# Mengenal McDonald's Malaysia

---

**Fakta-fakta Asas**



# Isi Kandungan

## ms. 3 **Mesej Daripada Pengarah Urusan McDonald's Malaysia**

### **Maklumat Syarikat**

- ms. 4 • Struktur Pemilikan McDonald's Malaysia
- ms. 6 • Pencapaian McDonald's Malaysia
- ms. 8 • Warga Kerja McDonald's
- ms. 9 • Program Perantis Vokasional McDonald's
- Program Perantis Pengurusan McDonald's
- Program Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan dengan UTM
- ms. 13 • Anugerah-Anugerah McDonald's

### **Menu McDonald's**

- ms. 14 • Hidangan Kami
- ms. 17 • Hidangan Berkualiti
- ms. 18 • Dijamin Halal

### **Tanggungjawab Sosial**

- ms. 19 • McDonald's Pembayar Zakat
- ms. 20 • Sumbangan Kepada Komuniti
- ms. 21 • Program Guru
- ms. 22 • Bulan Komuniti McDonald's

### **Tahukan Anda**

- ms. 23 • Fitnah Yang Lazim Dikemukakan



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

McDonald's Malaysia hari ini terus berkembang maju dan terus yakin kearah mencapai sasaran 450 restoran menjelang 2025. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak-pihak berkepentingan, rakan-rakan niaga dan para pelanggan setia kami di seluruh Malaysia atas sokongan padu yang diberikan kepada kami selama ini.

Kami menjangkakan kira-kira 10,000 peluang pekerjaan baharu bakal wujud dengan tercapainya sasaran yang ditetapkan ini. Ini bermakna, peluang pekerjaan dan perkembangan kerjaya terbuka luas di McDonald's untuk semua rakyat Malaysia, tanpa mengira latar belakang.

Dalam melangkah ke hadapan, McDonald's Malaysia ingin terus mengukuhkan kedudukannya sebagai jenama restoran khidmat segera yang sentiasa mengutamakan servis yang terbaik dan menjadi pilihan utama rakyat Malaysia. Pelanggan merupakan keutamaan kami. McDonald's Malaysia memanfaatkan teknologi terkini bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi seharian, yang sememangnya telah banyak menyumbang kepada pertumbuhan positif dari tahun ke tahun.

Pelaksanaan inisiatif-inisiatif kemasyarakatan utama dan berskala besar yang dilakukan oleh McDonald's Malaysia amat memuaskan. Sesungguhnya, mewujudkan impak positif kepada masyarakat merupakan komitmen berterusan McDonald's Malaysia.

Saya berharap risalah ini dapat memberi gambaran ringkas terhadap pendekatan menyeluruh yang dilaksanakan McDonald's Malaysia selama ini.

Yang benar,


**Azmir Jaafar**  
Pengarah Urusan dan Rakan Operasi Tempatan  
McDonald's Malaysia

# Struktur Pemilikan McDonald's Malaysia

- McDonald's Malaysia dimiliki sepenuhnya oleh syarikat Reza Group dari Arab Saudi dan seorang rakan niaga tempatan, di bawah sistem francais yang dikenali sebagai "Developmental License".
- Melalui sistem ini, McDonald's Malaysia diberi hak dan tanggungjawab sepenuhnya untuk mengurus, mengendalikan dan mengembangkan perniagaan rangkaian restoran McDonald's di seluruh negara.
- Selain daripada McDonald's Malaysia, Reza Group juga memiliki rangkaian restoran McDonald's di wilayah barat dan selatan Arab Saudi serta seluruh Singapura, dibawah barisan pengurusan yang diterajui oleh Abdulrahman Alireza. Beliau mempunyai pengalaman mengendali lebih daripada 100 restoran McDonald's di Arab Saudi, termasuklah yang terletak di kota Mekah, Madinah dan Jeddah.



# Syarikat Reza Group memiliki McDonald's Malaysia, Arab Saudi dan Singapura



# Pencapaian McDonald's Malaysia



**APRIL 1982**

Restoran McDonald's pertama di Malaysia dibuka di Jalan Bukit Bintang, KL



**NOVEMBER 1987**

Ayam Goreng McD diperkenalkan



**DISEMBER 1988**

Restoran Pandu-Lalu pertama McDonald's dibuka di Jalan Pahang (Titivangsa)



**FEBRUARI 1990**

Persatuan Kebajikan Ronald McDonald Malaysia (RMHC) ditubuhkan



**1994**

Prosperity Burger dicipta dan diperkenalkan di Malaysia



**MAC 1994**

Perkhidmatan McDonald's Delivery diperkenalkan



**FEBRUARI 1995**

McDonald's sebagai Restoran Khidmat Segera pertama di Malaysia menerima pensijilan Halal daripada JAKIM



**JUN 1999**

RMHC membuka Rumah Ronald McDonald pertama di Malaysia

**JANUARI 2001**

McDonald's sebagai Restoran Khidmat Segera pertama bekerjasama dengan syarikat minyak untuk membuka restorannya di Mobil, Lebuhraya Seremban

**JULAI 2002**

Menu tempatan baharu, Bubur Ayam McD dilancarkan di seluruh negara



**JUN 2007**

Perkhidmatan 24-jam McDonald's dilancarkan di lebih 70 restoran di seluruh negara

**JUN 2012**

McCafe pertama di Malaysia dibuka di McDonald's Kota Damansara



**2014**

McDonald's Malaysia kini beroperasi di setiap negeri dengan pembukaan restoran pertamanya di Perlis

**2016**

Kemudahan tanpa tunai mula diperkenalkan di McDonald's



**JULAI 2016**

Perkhidmatan McDonald's Delivery kini 100% online



**2018**

Aplikasi McDonald's dilancarkan




**2019**

Menu tempatan baharu, Nasi Lemak McD diperkenalkan



# Warga Kerja McDonald's



McDonald's Malaysia menyediakan pelbagai peluang pekerjaan kepada golongan belia untuk memperkembangkan potensi diri dan membantu membina kerjaya dalam industri perkhidmatan makanan.

- Program Perantis Vokasional McDonald's atau Skim Latihan Dual Nasional
- Program Perantis Pengurusan McDonald's
- Program Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan dengan UTM




# Program Perantis Vokasional McDonald's atau Skim Latihan Dual Nasional



Hasil kerjasama McDonald's Malaysia dan Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia



Program berlangsung selama 18 bulan untuk belia lepasan Penilaian Tingkatan 3 (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)



Program ini menggabungkan 70% latihan praktikal di restoran McDonald's dan 30% kelas teori di pusat latihan

# Program Perantis Pengurusan McDonald's



Program ini merupakan program latihan hujung minggu untuk belia yang sedang melanjutkan pengajian di universiti, dan ingin memulakan kerjaya di McDonald's selepas tamat pengajian



Program berlangsung selama 10 bulan



Sepanjang mengikuti program, belia menerima elaun sara hidup bulanan RM1,200, manfaat insurans dan perubatan, tempat tinggal dan makanan percuma



Selepas tamat program, belia dianugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia



Belia kemudiannya layak bekerja di McDonald's atau dalam industri perkhidmatan makanan di Malaysia



Sepanjang mengikuti program, belia menerima elaun harian RM60 (kira-kira RM700 sebulan), termasuk manfaat perubatan dan makanan percuma



Program ini merupakan usaha McDonald's Malaysia melahirkan Pengurus berkaliber dalam operasi perniagaannya



# Program Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan dengan UTM



Hasil kerjasama McDonald's Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia



Kerjasama ini membolehkan modul latihan terpilih McDonald's diserap dalam program sarjana pengurusan perniagaan (MBA) di Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim (AHIBS), UTM



Modul latihan terpilih McDonald's juga diiktiraf sebagai kredit boleh dipindah kepada program MBA, UTM



Program ini memberi peluang kepada warga kerja McDonald's Malaysia terus meningkatkan diri dalam pendidikan dan kerjaya

# Anugerah-Anugerah McDonald's

**Graduates Choice Award**  
2020

**CSR Malaysia Award – Company of the Year (Food & Beverage), Overall Excellence in Sustainability & CSR**

2020

**A&M inaugural PR Awards: Bronze for Best Engagement for A Targeted Community**

2020

**Best Family Chain Restaurant Award oleh Parents' Choice Award**

2020

**Green Real Estate Gold Certification**

2020

**Anugerah Majikan Prihatin oleh Kementerian Pembangunan Wanita, keluarga dan Masyarakat**

2020

**Master Franchisee Of The Year by Malaysian Franchise Association (MFA)**

2019

**Emerging International Franchisee of the year - Ing Siang by Malaysian Franchise Association (MFA)**

2019

**International Franchisee of the Year - Roger Ting by Malaysian Franchise Association (MFA)**

2019

**Malaysia's Healthiest Workplace AIA Vitality – Most Improved Workplace**

2019

**Best Employer oleh Kincentric**

2019

**Commitment to talent Focus Award oleh Kincentric**

2019

**Master Franchisee of the Year oleh Malaysian Franchise Association**

2019

**Halal CSR Excellence Award**

2019

**Green Building Index Certified Restaurant**

2019

**Best Employers in Malaysia oleh Aon Hewitt**

2009 | 2011 | 2013 | 2017 | 2018

**HR Asia Best Company to Work For**

2013 | 2018 | 2019

**Halal Brand Award**

2018

**Master Franchisee Of The Year by Malaysian Franchise Association (MFA)**

2018

**Best Franchise Employer by Malaysian Franchise Association (MFA)**

2018

**Emerging International Franchisee of the Year - Roger Ting by Malaysian Franchise Association (MFA)**

2018

**International Franchisee of The Year - Agnes Chee by Malaysian Franchise Association (MFA)**

2018

**Master Franchisee Award oleh Persatuan Francais Malaysia (MFA)**

2018

**Master Franchisee of the Year**

2018

**Best Franchise Employer**

2018

**International Franchisee of the Year 2018 Agnes Chee**

Agnes Chee

**Emerging International Franchisee of the Year 2018 Roger Ting**

Roger Ting

**CSR Awards Malaysia 2018 / 2019 / 2020 Teachers' Day Programme**

2015

**Special Recognition Award for Diversity & Inclusion (Women) oleh Aon Hewitt**

2015

# Hidangan Kami

Sebagai syarikat makanan terbesar di dunia, McDonald's terkenal di seluruh dunia dengan hidangan burger dan kentang gorengnya. Untuk kenangan indah yang lebih bermakna, kami juga menawarkan pelbagai jenis minuman dan pencuci mulut kepada para pelanggan.

Bagi memenuhi citarasa rakyat Malaysia, McDonald's Malaysia juga secara konsisten telah memperkenalkan beberapa menu tempatan yang menjadi kegemaran ramai seperti Ayam Goreng McD, Bubur Ayam McD, Prosperity Burger, Nasi Lemak McD dan juga hidangan-hidangan pencuci mulut citarasa tempatan yang sememangnya cukup enak.



## Daging

Daging burger enak kegemaran anda adalah daripada pembekal dari Australia, New Zealand dan Brazil.



## Ikan

Ikan kami adalah daripada sumber yang lestari dan diperakui oleh Marine Stewardship agar generasi akan datang dapat terus menikmati kesegaran Filet-O-Fish kami. Khususnya, kami gunakan Alaskan Pollack untuk Filet-O-Fish.



## Ayam

Produk ayam kami dibekalkan oleh Dindings Poultry Processing Sdn Bhd dan Huat Lai Resources Sdn Bhd.



## Kentang Goreng

Kami menggunakan pelbagai jenis ubi kentang, seperti Russet Burbank, Ranger, Shepody dan Umatilla Russet. Sebab itu, kentang goreng kami kekal rangup dan enak untuk dicecah.

Kentang dibasuh, dipotong dan melalui pembekuan kilat sebelum dibungkus dan dihantar. Kemudian, ia digoreng dengan minyak sawit disahkan RSPO, dan ditabur garam secukupnya sebelum dihidangkan.





### Keju Cheddar

Kepingan keju Cheddar dalam burger kegemaran anda diimport daripada pembekal negara Ireland Utara.



### Pencuci Mulut

Kami menyediakan pelanggan dengan pencuci mulut klasik tercinta kami seperti sundae dan McFlurry yang bahannya dibekalkan oleh pembekal di dalam negara.



### Kopi

Kopi di McCafé adalah daripada 100% kopi premium Arabica dari lereng bukit di Amerika Tengah dan Selatan. Biji kopi segar ini dipanggang sederhana dan dikisar tanpa bahan tambahan. Nikmatilah kopi "espresso" dari McCafé



### Sos dan Topping

Sos dan bahan perisa kami adalah daripada pembekal tempatan, iaitu Kerry Ingredients. Mereka juga membekalkan topping sundae coklat dan strawberi, sirap hotcake dan sirap untuk minuman McCafé.



## Hidangan Berkualiti

Kami sentiasa mahukan anda menikmati hidangan hebat dan enak. Oleh itu, kami mengutamakan bahan-bahan yang berkualiti dan 100% halal.

Seperti kepingan daging dan bahan-bahan yang dikeluarkan terus dari ladang, kami akan memastikan ianya yang terbaik untuk anda sekeluarga.



### Siapakah pembekal sayur-sayuran McDonald's?

Kami bekerjasama dengan petani tempatan untuk bekalan sayur segar, yang kemudiannya dibasuh, dibersihkan dan dibungkus dengan teliti oleh pembekal. Sayuran akan dihantar terus ke restoran kami dan disimpan dalam persekitaran suhu terkawal.

Kami juga bekerjasama dengan juruaudit luaran bagi memastikan sayuran yang ditanam menepati standard kualiti dan keselamatan makanan.



### Bagaimanakah ais krim McDonald's dihasilkan?

Ais krim kami dibuat daripada adunan susu dan gula. Hasilnya adalah pemanis mulut kegemaran anda!



### Bagaimanakah McDonald's membuat McNuggets Ayam?

Kami hanya menggunakan daging ayam halal yang ditambah garam dan lada hitam sebagai perasa dan dibentuk menjadi ketulan McNuggets Ayam kegemaran semua! Ia kemudiannya disaluti adunan tepung tempura istimewa McDonald's, digoreng separuhnya dan dibekukan segera bagi mengekalkan kesempurnaan rasanya.



### Sekerap manakah McDonald's membersihkan dapur?

Kami memastikan kebersihan dapur menepati standard keselamatan makanan dan kebersihan yang ketat. Peralatan dibersihkan setiap 4 jam dan kawasan penyediaan makanan dibersihkan setiap hari. Di samping itu, restoran kami juga ditutup beberapa jam dua kali sebulan bagi pembersihan menyeluruh.



### Apa yang terjadi kepada makanan yang tidak terjual di penghujung hari?

Makanan anda disediakan mengikut pesanan, jadi pembaziran yang berlaku amat minimum. Kami sentiasa menjamin kesegaran dan keenakan hidangan anda!



Menu McDonald's

**DIJAMIN**  
**100%**  
**HALAL**



- McDonald's merupakan antara rangkaian restoran khidmat segera pertama di Malaysia yang menerima pensijilan Halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada awal tahun 90-an.
- Kesemua makanan dan minuman yang dihidangkan oleh McDonald's Malaysia dijamin 100% Halal oleh JAKIM dan lain-lain badan pengiktirafan Halal yang diluluskan oleh JAKIM.
- Jawatankuasa Halal Dalamannya McDonald's Malaysia sentiasa memastikan kesemua standard Halal dipatuhi. Mereka terdiri daripada pihak Lembaga Pengarah Syarikat dan jabatan-jabatan penting seperti Rantaian Bekalan, Jaminan Kualiti, Operasi, Sumber Manusia dan Pemasaran.
- Dua orang pakar Syariah dari luar telah dilantik sebagai Penasihat Syariah kepada Jawatankuasa Dalamannya ini.

**Penganugerahan Halal oleh Perbadanan Pembangunan Industri Halal**



Halal Industry Development Corporation

- Anugerah Kecemerlangan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Halal 2019
- Anugerah Jenama Halal 2018

## McDonald's Pembayar Zakat

- Pemilikan Syarikat Lionhorns dari Arab Saudi menjadikan McDonald's Malaysia, syarikat yang dimiliki **100%** oleh umat Islam.
- Sejak tahun 2017, McDonald's Malaysia telah membayar lebih **RM4.9** juta kepada pihak berkuasa Zakat negeri-negeri untuk diagihkan kepada golongan memerlukan.







## Sumbangan Kepada Komuniti

Menyumbang kepada komuniti merupakan salah satu nilai teras McDonald's Malaysia.

Warga kerja McDonald's, termasuklah kru di restoran-restoran di seluruh negara sentiasa giat menjalankan pelbagai aktiviti kemasyarakatan seperti sumbangan makanan ke rumah kebajikan kanak-kanak, sumbangan moreh ke masjid dan surau pada bulan Ramadan, lawatan ke rumah kebajikan orang tua bersempena Hari Raya Cina dan sumbangan makanan ke hospital, aktiviti gotong-royong, kempen derma darah dan pelbagai lagi.

## Program Guru



### Anugerah Guru Inspirasi McDonald's

Inisiatif kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada guru-guru yang melaksanakan tanggungjawab melebihi tugas-tugas hakiki dan memberi kesan positif dalam diri pelajar.



### Seminar Motivasi Guru

Program khas untuk melengkapkan para guru dengan kaedah-kaedah terbaik untuk mendidik anak bangsa.



### Sambutan Hari Guru

Sambutan Hari Guru di semua restoran McDonalds sebagai tanda penghargaan di atas jasa guru-guru.



## Bulan Komuniti McDonald's

McDonald's Malaysia telah menetapkan bulan Oktober sebagai Bulan Komuniti yang memberi fokus terhadap aktiviti-aktiviti yang melibatkan kanak-kanak seperti lawatan sambil belajar dan aktiviti gotong-royong. Program Pek Kembali Sekolah juga merupakan salah satu inisiatif aktiviti amal McDonald's yang memberi bantuan pakaian seragam dan beg sekolah kepada anak-anak yang memerlukan.



## Fitnah Yang Lazim Dikemukakan

Adakah McDonald's Corporation di Amerika Syarikat menyokong Israel dalam konfliknya dengan Palestin dan menyalurkan dana bagi tujuan tersebut?

### TIDAK BENAR

McDonald's Corporation merupakan sebuah syarikat antarabangsa dan restoran-restoran McDonald's terdapat di lebih 100 buah negara. McDonald's amat menghormati pekerja-pekerja dan pelanggan-pelanggannya yang terdiri daripada pelbagai latarbelakang. **McDonald's tidak terlibat dalam sebarang konflik politik atau keagamaan yang berlaku di mana-mana negara di dunia.**

Adakah benar McDonald's Corporation di Amerika Syarikat dimiliki oleh pemilik berbangsa Yahudi yang pro-Israel, dan mempunyai agenda anti-Islam / anti-Palestin?

### TIDAK BENAR

McDonald's Corporation adalah sebuah syarikat yang **sahamnya didagangkan kepada bursa awam** di Bursa Saham New York (NYSE) sejak tahun 1965 lagi. Pemegang-pemegang sahamnya sangat ramai dan daripada pelbagai negara (terdapat kira-kira 2.15 juta pemegang saham setakat 31 Januari 2019). Tidak ada mana-mana individu atau pemegang saham yang memiliki lebih daripada 10% saham McDonald's Corporation.

Adakah McDonald's Malaysia membayar royalti kepada McDonald's Corporation di Amerika Syarikat?

Pembayaran royalti bagi penggunaan jenama merupakan **perkara lazim dalam dunia perniagaan**, dan bukannya amalan perniagaan yang unik atau luar biasa. Dalam konteks McDonald's Malaysia, royalti merupakan bayaran bagi mendapatkan **lesen/hak untuk menjalankan perniagaan** atas jenama McDonald's di Malaysia. Amalan ini juga digunakan oleh syarikat-syarikat lain di Malaysia, di mana mereka membuat pembayaran royalti bagi penggunaan jenama oleh syarikat mereka.

Adakah tohmahan-tohmahan mengenai boikot terhadap McDonald's Malaysia di laman-laman web sesuatu yang benar?

### TIDAK BENAR

Kami menasihatkan orang awam supaya tidak mempercayai sebarang tohmahan terhadap McDonald's Malaysia dan **sentiasa merujuk kepada laman web korporat McDonald's Malaysia** ([www.mcdonalds.com.my](http://www.mcdonalds.com.my)) untuk mendapatkan maklumat yang tepat.

Apa yang penting dan perlu diingat adalah sebahagian besar pendapatan McDonald's Malaysia dikembalikan kepada Malaysia dalam pelbagai bentuk. Contohnya, bagi tujuan **perbelanjaan perniagaan** seperti gaji pekerja, bayaran pembekal-pembekal tempatan dan lain-lain. Selain itu, pendapatan ini juga digunakan untuk **pembangunan perniagaan** seperti pembinaan restoran baharu, pengubahsuaian dan naik taraf restoran sedia ada. Tidak lupa juga untuk **pembayaran cukai** kepada kerajaan Malaysia.

# Kebanggaan Kita!



**Gerbang Alaf Restaurants Sdn. Bhd. (65351-M)**

*(dahulu dikenali sebagai Golden Arches Restaurants Sdn. Bhd.)*

**Licensee of McDonald's**

Level 6, Bangunan TH Damansara Uptown 3, No. 3,  
Jalan SS21/39, 47400 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan

**Tel:** 03-7843 3388

[www.mcdonalds.com.my](http://www.mcdonalds.com.my)



[Facebook.com/My.McDonalds](https://www.facebook.com/My.McDonalds)